From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 13 July, 2022 11:52:46 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 394 Penerima Anugerah Dekan SMMTC Diraikan Dengan Meriah

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 JULAI 2022 / 13 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Vishpani a/p Kumar
Gambar oleh: Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC)

394 PENERIMA ANUGERAH DEKAN SMMTC DIRAIKAN DENGAN MERIAH



UUM ONLINE: Seramai 394 pelajar cemerlang A211 semester Oktober 2021 hingga Januari 2022 dari Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Universiti Utara Malaysia (UUM) telah diraikan

pada Majlis Anugerah Dekan SMMTC di Dewan Tan Sri Othman (TSO), baru-baru ini.

Majlsi khas itu dianjurkan bagi meraikan kejayaan pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam akademik sepanjang pengajian mereka di UUM.

Selain itu, majlis ini adalah sebagai tanda penghargaan pusat pengajian di atas pencapaian cemerlang mereka di pusat pengajian ini.

Dekan SMMTC, Prof. Madya Dr. Norsiah Abdul Hamid telah menyampaikan sijil anugerah kepada pelajar daripada tiga program iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknologi Media, Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dan Ijazah Sarjana Muda Multimedia yang mencapai CGPA 3.5 ke atas pada sesi A211.

Semoga majlis seperti ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang agar ia memberi semangat kepada pelajar untuk terus cemerlang dalam bidang akademik dan menjadi momentum kepada mereka untuk terus cemerlang dan berdaya saing di alam pekerjaan.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.